
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

YKT 111 – Teori dan Penyelidikan Komunikasi I

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Kajian awal komunikasi menumpukan kepada pendekatan dan kaedah fungsionalis, behaviouris, kuantitatif dan empirikal. Nilaiikan secara kritis kajian-kajian ini.

2. Perkembangan media massa telah menimbulkan kebimbangan di kalangan ibubapa, kerajaan dan institusi pendidikan kerana dirasakan kuasa media mencemar minda masyarakat. Bincang dengan merujuk kepada tesis masyarakat massa.

3. Pendekatan kajian budaya mendakwa bahawa kandungan media menyokong *status quo*, oleh itu menyekat perkembangan budaya yang pelbagai. Bincang dengan contoh.

4. Dengan merujuk kepada kajian mengenai pilihanraya, sejauhmana pemilikan dan kawalan media di Malaysia membawa impak terhadap liputan media.

5. Kajian komunikasi bukanlah semata-mata dilakukan untuk keperluan pasaran atau pembuat dasar tetapi untuk mengubah masyarakat. Bincang dengan contoh, apakah kajian komunikasi yang baik dan relevan untuk memperbaiki masyarakat.